

AS1M	1.0000	ASB	1.0000	ASN UMBRELLA	
ASN	0.6910	ASW 2020	1.0000	IMBANG	1.0034
ASN2	0.5942	ASM	1.0000	EQUITY 3	0.9890
ASN3	1.0205	ASD	1.0000	SARA	1.1332

Kirimkan maklumat dan maklum balas kepada: ekonomi@kosmo.com.my Faks: 03-9221 8590

Kerajaan perlu realistik dengan pencapaian dan persekitaran semasa

# Pelaksanaan RMK-11 mencabar

**KUALA LUMPUR** – Tempoh berbaki dalam perjalanan menuju Wawasan 2020 disifatkan sebagai sangat mencabar berasaskan prestasi yang dilihat kurang memberangsangkan ketika ini.

Pengarah Eksekutif Institut Kajian Ekonomi Malaysia (MIER), Profesor Emeritus Dr. Zakariah Abdul Rashid berkata, perkara tersebut didorong oleh pelbagai faktor berkaitan di peringkat domestik dan global yang menghasilkan persekitaran malap.

“Ia termasuk paras peratusan pendapatan tenaga buruh dan tenaga pekerja mahir yang rendah, berbeza dengan enam teras strategi yang diterapkan dalam Rancangan Malaysia kesebelas (RMK-11) dalam menangani semua keperluan rakyat.

“Sasaran 40 peratus pendapatan tenaga buruh dalam pendapatan negara kasar menjelang

tahun 2020 juga dijangka sukar untuk dicapai melihat pencapaian sekitar 36 peratus yang dicatatkan ketika ini,” katanya

ketika dihubungi semalam. Zakariah berkata, dalam tempoh yang berbaki dua tahun setengah ini, negara perlu lebih realistik dan tidak boleh bergerak seperti biasa memandangkan Malaysia kini sudah berada di kemuncak 30 tahun perjalanan mencapai Wawasan 2020.

“Tambahan pula, kita kini ke arah Revolusi Industri 4.0 dan hasilnya perlu diterjemahkan secara nyata, khususnya berkaitan pekerja mahir dan pengeluaran nilai tambah yang tinggi dalam memastikan



ZAKARIAH



MOHD. YUSOF

produktiviti meningkat dengan lebih pantas,” ujarnya.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

Universiti Putra Malaysia, Dr. Mohd. Yusof Saari berkata, sasaran yang ingin dicapai menjelang tahun 2020 adalah tidak lagi realistik.

“Antara sasaran utama ekonomi makro pada 2020 adalah Pendapatan Negara Kasar per kapita RM54,000; produktiviti buruh (RM92,300) dan peratusan pampasan pekerja kepada Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak 40 peratus.

“Untuk mencapai sasaran berkenaan, ekonomi negara diunjur berkembang di antara 5 hingga 6 peratus sepanjang

tempoh RMK-11.

“Namun, ekonomi negara tumbuh pada kadar 4.2 peratus pada 2016 dan 5.9 peratus pada 2017,” katanya.

Bagi mencapai sasaran RMK-11, ekonomi pada tahun 2018 hingga 2020 perlu tumbuh melebihi 6 peratus setahun.

Oleh demikian, tambahnya, berdasarkan ekonomi dan kewangan semasa kerajaan serta persekitaran global, pertumbuhan melebihi 6 peratus untuk tahun ini sehingga 2020 dilihat mustahil.

“Memburukkan lagi apabila kekayaan ekonomi tidak dikongsi sama rata dalam kalangan rakyat,” ujarnya.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dijadualkan membentangkan Kajian Separuh Penggal RMK-11 2016-2020: Keutamaan dan Peneakan Baharu di Parlimen pada pukul 4 petang hari ini.

## INFO Rancangan Malaysia ke-11

- Tempoh 2016 hingga 2020
- Merupakan rancangan pembangunan lima tahun ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020
- Bertemakan Pertumbuhan berpaksikan rakyat
- Berpandukan Strategi Pembangunan Nasional Malaysia (MyNDS) yang memberikan tumpuan kepada pembangunan ekonomi berteraskan rakyat dan ekonomi berasaskan modal dengan pelaksanaan program dan projek berimpak tinggi, boleh dilaksanakan dengan pantas serta kos yang rendah kepada kerajaan
- Enam teras strategi RMK-11:
  1. Memperkukuhkan inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama
  2. Meningkatkan kesejahteraan rakyat
  3. Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju
  4. Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan
  5. Memperkukuhkan infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi
  6. Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran